

## Ilmu Kajian Agama-agama dalam Tradisi Islam

### *The Study of Religions in the Islamic Tradition*

WAN HASLAN KHAIRUDDIN, INDRIATY ISMAIL & ABDULL RAHMAN MAHMOOD

#### ABSTRAK

*Ilmu Kajian Agama-agama atau Ilmu Perbandingan Agama hari ini menjadi tumpuan dan mendapat perhatian sama ada dalam kalangan individu yang berada di lapangan akademik, dakwah atau awam sehingga pelbagai kursus intensif yang berkaitan ditawarkan. Pelbagai agensi sama ada Pertubuhan Bukan Kerajaan atau NGO (Non-Governmental Organization) yang berorientasikan dakwah menyusun silibus dan kursus untuk melahirkan individu berpengetahuan dalam Ilmu Perbandingan Agama. Artikel ini membincangkan kedudukan Ilmu Kajian Agama-agama dalam tradisi Islam. Isu-isu utama yang menjadi perbincangan artikel ini ialah: [i] Kajian agama-agama menurut al-Quran dan Sunah; [ii] Ilmu Kajian Agama-agama subwacana Ilmu Kalam; dan [iii] Ilmu prasyarat (prerequisite) dalam menekuni Ilmu Kajian Agama-agama. Penulisan artikel ini adalah berdasarkan kajian analisis kandungan. Sumber primer yang menjadi asas dalam penulisan ini ialah karya-karya Ilmu Kalam dan karya-karya para ilmuwan Islam di dalam kajian agama-agama. Kesimpulannya, Ilmu Kajian Agama-agama adalah salah satu daripada dua wacana Ilmu Kalam yang mewacanakan kepercayaan antara penganut agama (intrareligion atau intra-Islam) dengan penamaan seperti al-Firaq al-Islāmiyyah (Aliran-aliran Pemikiran Islam) dan wacana berkaitan kepercayaan antara agama-agama (interreligions) dengan penamaan seperti Muqāranah al-Adyān (Perbandingan Agama-agama). Selain itu, Ilmu Kajian Agama-agama atau secara khusus dialog antara agama bukan bidang amatur yang boleh dilaksanakan oleh sesiapa sahaja. Sebaliknya memerlukan kepada individu yang mempunyai tahap pengetahuan akidah yang baik atau secara khusus penamaannya 'Ilmu Kalam' dengan penguasaan tema, isu dan dalil secara tafsil (huraian atau satu persatu) kerana lapangan ini berisiko menjerumuskan seseorang kepada kecelaruan, keraguan, kesesatan dan kekufuran. Tuntasnya, Ilmu Kajian Agama-agama atau Ilmu Perbandingan Agama menurut tradisi Islam adalah subwacana kepada Ilmu Kalam.*

*Kata kunci: Akidah; teologi; kalam; agama; dialog*

#### ABSTRACT

*The study of religions or the comparative religion nowadays has become the focus of attention for any individual be it in the field of academic, preaching or public until various relevant intensive courses are offered. Various agencies, including Non-Governmental Organizations, organized the syllabus and courses to produce knowledgeable individuals in the science of comparative religion. This article discusses the position of the study of religions in the Islamic tradition. The issues that became the focus of discussion of this article are: [i] the study of religions according to the Qur'an and al-Sunnah; [ii] the study of religions as sub-discussion of 'Ilm al-Kalām (i.e. Islamic scholastic theology); and [iii] Pre-requisite knowledge in the study of religions. The writing of this article is based on a content analysis study. The primary sources underlying this work are the works of the 'Ilm al-Kalām and the works of Muslim scholars in the study of religions. In conclusion, the study of religions is one of the two discourses of the 'Ilm al-Kalām which illustrates the beliefs of intra religion or intra-Islam such as al-Firaq al-Islāmiyyah (i.e. Schools of Islamic thought) and discourse on religious beliefs religions (inter religions), like Muqāranah al-Adyān (i.e. the Comparative Religion). In addition, the study of religions, particularly the dialogue between religions is not for amateurs. On the contrary, it is necessary for individuals to have a good level of knowledge in 'aqīdah or specifically the naming of 'Ilm al-Kalām with the mastery of themes, issues and arguments in tafsil (i.e. studied individually or else the individual) will risk the danger of being derailed to be in the state of disorder, become doubtful, error in judgement and disbelief. In short, the study of religions or the comparative religion in Islamic tradition is a sub-discipline of 'Ilm al-Kalām.*

*Keywords: 'Aqīdah; theology; Kalam; religion; dialogue*

## PENGENALAN

Ahmad Deedat (1918-2005) antara figura mutakhir yang menjadi inspirasi lahirnya para pendakwah dengan pendekatan dialog perbandingan agama seperti Zakir Naik, Shabbir Ally dan sebagainya. Masyarakat negara ini tidak terkecuali sehingga wujud pelbagai Pertubuhan Bukan Kerajaan atau NGO (*Non-Governmental Organization*) berorientasikan dakwah dengan penawaran kursus-kursus intensif dalam bidang perbandingan agama (Muhammad Yusuf Khalid et al. 2015; Ahmad Faizuddin Ramli & Jaffary Awang 2014). Antara NGO tersebut ialah *Islamic Outreach ABIM* (IOA), *Islamic Information and Services Foundation* (IIS), *Islamic Propagation Society International* (IPSI), *Hidayah Centre Foundation* (HFC), *Multiracial Reverted Muslims* (MRM), *Global Unity Network*, *Intellectual Wisdom Society* dan sebagainya (Rehan Ahmad 2016). Kursus-kursus intensif berkaitan perbandingan agama yang ditawarkan ialah seperti *Inter-faith & Inter-Civilization Program* oleh IOA, *Friendly Comparative Religion* (FCR) oleh IIS dan *Interactive Dakwah Training* (IDT) oleh MRM atau HCF. Apa yang diusahakan oleh pertubuhan dakwah ini sangat baik dalam usaha memantapkan pengetahuan pendakwah (*al-dā'ī*) untuk mengenali dengan lebih dekat golongan sasaran dakwah (*al-mad'ū*). Namun, fokus dalam wacana perbandingan agama tanpa penguasaan disiplin Ilmu Akidah khususnya Ilmu Kalam (dengan keupayaan dialog, diskusi atau debat) bakal mengakibatkan kepincangan pada perbandingan antara agama-agama yang cuba dilaksanakan. Ini kerana Ilmu Kalam adalah piawaian terhadap isu-isu yang diwacanakan. Buktinya, seorang yang dianggap tokoh dalam bidang ini sendiri pernah menyatakan umat Islam boleh merujuk Allah Jallā wa 'Alā (Maha Agung dan Maha Tinggi) dengan nama Brahma dan Vishnu kerana mempunyai makna yang sama (Zakir Naik t.th.& 2013). Tidakkah persamaan yang dibuat oleh tokoh di atas persis fahaman Pluralisme Agama yang menyatakan Tuhan itu adalah nama beragama dan banyak tetapi hakikat tetap satu dan sama? Atau Allah atau *Al-Haqq* itu sama dengan konsep *El*, *Elohim*, *Yahweh*, *Adonai* di sisi Yahudi; *Holy Trinity* di sisi Kristian; *Trimurti*, *Nirguna* atau *Saguna Brahman* dalam Hinduisme; *Nirvana*, *Amitabha Buddha* dalam Buddhisme; *Tao* dalam Taoisme; *Sat Nam* dalam Sikhisme dan sebagainya? (Anis Malik Thoha 2011: 4). Sedangkan konsep Tuhan dalam Islam menjadi intipati yang membezakan agama ini dengan agama lain. Allah Jallā wa 'Alā

adalah Tuhan Yang Esa daripada sudut zat, sifat dan perbuatan-Nya (*af'āl*) (Al-Ghazālī 1983: 49; Ibn Fūrak 1987: 55; al-Shahrastānī 2009: 85) tidak sebagaimana konsep tuhan di dalam Hinduisme atau agama-agama lain.

Persoalannya, mengapa masyarakat terlalu fokus dengan Ilmu Kajian Agama-agama atau Ilmu Perbandingan Agama tanpa mengutamakan ilmu bersifat teras atau fardu ain? Adakah Ilmu Kajian Agama-agama ilmu baharu yang belum pernah diperkatakan Ilmuwan Islam silam? Tiadakah karya-karya ilmuwan silam yang boleh dirujuk di dalam wacana agama-agama? Berdasarkan tinjauan kepada khazanah tradisi Islam (*al-turāth al-Islāmī*), Ilmu Kajian Agama-agama atau Ilmu Perbandingan Agama bukan ilmu baharu tetapi telah bermula semenjak penurunan al-Quran, kelangsungan Sunah dan partisipasi para ilmuwan Islam sama ada daripada Timur Islam (*al-Mashriq*) atau Barat Islam (*al-Maghrib*) di dalam domain Ilmu Kalam. Justeru, berdasarkan isu dan persoalan di atas, penulis mengemukakan tajuk: Ilmu Kajian Agama-agama dalam tradisi Islam bagi membincangkan [i] Kajian agama-agama menurut al-Quran dan Sunah; [ii] Ilmu Kajian Agama-agama subwacana Ilmu Kalam; dan [iii] Ilmu prasyarat dalam menekuni Ilmu Kajian Agama-agama.

#### ILMU KAJIAN AGAMA-AGAMA MENURUT AL-QURAN DAN SUNAH

Islam merupakan agama yang pertama mengemukakan asas-asas kepada Ilmu Kajian Agama-agama atau Ilmu Perbandingan Agama. Fakta ini menurut Kamar Oniah (2003: xi) diperakui oleh Franz Rosenthal dan Sharpe. Begitu juga Adam Mez sebagaimana yang dinukilkan oleh Shalabī (1997: 31). Islam disifatkan sebagai pelopor kepada Ilmu Perbandingan Agama kerana rujukan utama umat Islam iaitu al-Quran mewacanakan agama atau kepercayaan lain di dalamnya. Sama ada yang diperkatakan agama *samāwī* (bersumberkan wahyu) atau agama *wadā'ī* (tidak bersumberkan wahyu). Bahkan, tiada piagam agama di dunia yang memperkatakan tentang agama atau kepercayaan lain kecuali al-Quran (Shalabī 1997: 27-30; Kamar Oniah 2003: 13). Al-Quran memperakui kewujudan agama-agama lain di samping menegaskan persoalan tauhid dan faktor-faktor yang menjerumuskan ke arah syirik sebagaimana yang ditegaskan dalam ayat *al-Mā'idah* 5: 72, *al-Tawbah* 9: 30 dan *al-Nahl* 16: 36 (Baca lanjut dalam Fazilah Idris et al. 2019: 34-35).

Wujud di dalam al-Quran satu ayat yang menyebutkan enam jenis kepercayaan (*Al-Hajj* 22: 17). Ibn ‘Abbās RA menyatakan sebagaimana yang dinukilkan oleh Ibn Qayyim (1407H: 36-37): “Agama-agama itu enam; satu agama al-Rahman (i.e. Allah SWT Yang Maha Pemurah) dan lima agama syaitan.” Ibn Qayyim menjelaskan bahawa agama dan anutan penduduk dunia ini tidak akan terkeluar daripada agama-agama yang dinyatakan. Ayat tersebut ialah firman Allah SWT dalam *al-Hajj* 22: 17 yang bermaksud:

“Bahawasanya orang-orang yang beriman, dan orang-orang Yahudi, dan orang-orang Sabi’in, dan orang-orang Nasrani, dan orang-orang Majusi, serta orang-orang Musyrik, sesungguhnya Allah akan memutuskan hukum-Nya di antara mereka pada hari kiamat, kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu”.

Enam kepercayaan atau agama yang dinyatakan di atas ialah [1] agama orang beriman atau agama Islam; [2] agama Yahudi; [3] agama Sā’ibah (Sabians); [4] agama Kristian; [5] agama Majusi; dan [6] agama golongan Musyrikin atau orang yang menyekutukan Allah SWT (W.Haslan & Indriaty 2017b: 131-137). Enam agama yang dinyatakan menurut penulis boleh disebutkan sebagai kepercayaan dominan di sisi masyarakat dunia. Namun, kenyataan penulis ini masih hipotesis yang mungkin dapat dibuktikan kebenarannya apabila dilaksanakan kajian geneologi iaitu kajian salasilah antara agama dan kepercayaan.

Islam disifatkan sebagai pelopor kepada Ilmu Perbandingan Agama kerana sifat kepada disiplin ilmu ini memerlukan kepada agama yang pelbagai untuk dilaksanakan perbandingan. Sekiranya agama lain tidak diiktiraf bagaimana perbandingan dapat dilaksanakan (Ahmad Shalabi 1997: 27-29). Islam meraikan manusia yang bersifat *multi-cultural* iaitu kepelbagaian budaya dan juga *multi-religious* iaitu kepelbagaian agama. Fitrah asal kejadian manusia itu cenderung mentauhidkan Allah SWT namun persekitaran merubah sikap manusia kepada mensyirikkan Allah SWT. Kerana itu, wacana agama-agama di dalam al-Quran hakikatnya adalah dakwah yang bertujuan mengembalikan manusia kepada mentauhidkan Allah SWT (W.Haslan & Indriaty 2016: 56-57; 2017a: 72). Firman Allah SWT dalam *al-An’am* 6: 126: “Dan inilah jalan Tuhanmu (agama Islam) yang betul lurus. Sesungguhnya Kami telah menjelaskan ayat-ayat keterangan (Kami) satu persatu bagi kaum yang mahu beringat (*insaf*).” Kemuncak daripada wacana agama-agama di dalam al-Quran ialah penegasan Allah SWT bahawa Islam merupakan satu-satunya agama yang

diredai-Nya (*Āli ‘Imrān* 3: 19, 85).

Pada zaman Rasulullah SAW, penganut agama-agama lain tidak ditinggalkan tanpa sebarang usaha mengembalikan mereka untuk mentauhidkan Allah SWT. Antara bentuk-bentuk interaksi Rasulullah SAW dengan penganut agama lain ialah: [1] pengutusan surat-surat (*al-rasā’il*); [2] duta-duta (*al-sufarā’*); [3] deligasi-deligasi (*al-wufūd*) yang mewakili sesebuah kabilah, agama atau negara di dalam sesebuah perundingan; [4] perjanjian-perjanjian (*al-wufūd*) di antara penganut agama; dan [5] peperangan-peperangan sama ada yang disebut sebagai *al-sarāyā* atau *al-ghazawāt*. Contoh dalam pengutusan surat-surat (*al-rasā’il*), Rasulullah SAW telah mengutus surat mengajak para pembesar agama lain ketika itu seperti pembesar Rom iaitu Hercules, pembesar Mesir iaitu al-Muqawqas, pembesar Ethiopia iaitu al-Najāshī dan pembesar Farsi iaitu Kisrā untuk kembali mentauhidkan Allah SWT (Fārūq Hammādah 2004). Contoh deligasi-deligasi (*al-wufūd*) yang bertemu Rasulullah SAW ialah para pembesar musyrikin Mekah seperti al-Walīd bin al-Mughīrah, al-‘Āṣ bin Wāil, al-Aswad bin ‘Abd al-Muṭallib dan Umayyah bin Khalaf (al-Qurṭubī 2002, 20: 449-452). Pembesar Yahudi seperti Ka‘ab bin al-Akhbar, ‘Abdullah bin Sallām, Tha‘labah bin Sa‘yah, Usaid bin Sa‘yah dan Asad bin ‘Ubayd (al-Qurṭubī 2002, 4: 530-533, 5: 213-222). Tidak terkecuali pembesar Kristian seperti al-‘Āqib ‘Abd al-Masīh, al-Sayyid al-Ayham dan Abū Hārithah bin ‘Alqamah (al-Qurṭubī 2002, 2: 381-382; Ibn Kathīr 2000: 369-372). Perincian terhadap kisah-kisah ini dengan hadis-hadisnya yang khusus boleh dirujuk dengan menuruti tafsiran atau huraian terhadap sebab penurunan ayat atau surah yang berkaitan (Lihat sebab turun surah *al-Kāfirūn* 109, *Āli ‘Imrān* 3: 113 dan *al-Nisā’* 4: 47).

Wacana al-Quran dan sunah terhadap agama-agama sebagaimana sebahagian contoh yang dibawakan di atas menjadi asas kepada Ilmu Kajian Agama-agama. Kemudian, para ilmuwan Islam melangsungkan wacana al-Quran dan Sunah ini dengan pelbagai dialog, diskusi dan debat yang dapat ditinjau melalui disiplin yang dinamakan sebagai Ilmu Kalam.

#### ILMU KAJIAN AGAMA-AGAMA SUBWACANA ILMU KALAM

Ilmu Kajian agama-agama atau Ilmu Perbandingan Agama bukan satu disiplin ilmu baharu (Khadijah M.Khambali et al. 2019: 73; Ahidul Asrar 2020:

41). Sebaliknya ia adalah sebahagian daripada subwacana di dalam Ilmu Akidah atau lebih khusus dengan penamaan Ilmu Kalam. Antara nama lain dalam tradisi Islam yang merujuk kepada Ilmu Kalam adalah seperti *al-Milal wa al-Niḥāl*, *Maqālāt ghayr al-Islāmiyyīn*, *al-Dirāsah al-Muqāranah li al-Adyān*, *‘Ilm al-Jadl al-Dīnī*, *‘Ilm al-Rudūd ‘ala al-Adyān* dan sebagainya (Al-Sharqawī 2008: 5; Līndah 2015: 321). Ilmu Kalam berdasarkan daripada beberapa definisi bermaksud ilmu berkaitan pengukuhan perkara-perkara akidah dengan hujah-hujah yang diyakini dan penolakan terhadap segala keraguan (al-Jurjānī 1998, 1: 40; al-Taftāzānī 1998, 1: 163; Ibn Khaldūn 2004, 2: 205). Menurut Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān al-Būṭī, Ilmu Kalam adalah diskusi-diskusi ilmiah berkaitan isu-isu atau asas-asas di dalam akidah Islam (Al-Būṭī 1399H: 17).

Penulis memilih penamaan Ilmu Kalam secara khusus dan bukan penamaan umum seperti Ilmu Akidah atau Ilmu Tauhid kerana Ilmu Kalam menggambarkan sifatnya yang menuntut keupayaan daya taakul dalam memberikan hujah-hujah yang meyakinkan serta dalil-dalil yang mampu menangkis sebarang keraguan yang ditimbulkan. Ilmu Kalam adalah disiplin yang sifatnya defensif dan ofensif. Ilmu Kalam adalah mekanisme dalam pemeliharaan kesucian agama Islam daripada sebarang penyelewengan, kesesatan dan kekufuran. Tuntasnya, Ilmu Kalam adalah disiplin dalam diskusi antara agama atau kepercayaan lain yang bertentangan dengan perbahasan, penghuraian, penolakan, pembatalan dakwaan dan penetapan terhadap keraguan, kecelaruan, kesesatan atau kekufuran (Al-Taftāzānī 1998, 1: 164-165; ‘Āmūh t.th.: 4-5). Terdapat pengkaji yang membezakan maksud penamaan Ilmu Akidah, Ilmu Usuluddin dan Ilmu Kalam yang kesemuanya dikategorikan di bawah penamaan Ilmu Tauhid (Nizār Ḥammādī t.th.). Namun, berdasarkan tinjauan silibus al-Ghazālī (m.505H) dengan kitab asas iaitu *Qawā'id al-'Aqā'id fī al-Tawḥīd*, kitab pertengahan *al-Risālah al-Qudsiyyah* dan kitab lanjutan *al-Iqtisād fī al-I'tiqād* (Al-Mahdalī t.th.: 9) atau silibus al-Sanūsī (m.895H) dengan karya-karyanya yang berkesinambungan: [1] *al-Muqaddimāt*; [2] *Ṣuḡhrā Ṣuḡhrā al-Ṣuḡhrā* [3] *Ṣuḡhrā al-Ṣuḡhrā*; [4] *al-Ṣuḡhrā*; [5] *al-Wuṣṭā*; dan [6] *al-Kubrā* (Al-Sanūsī 2013) menjelaskan metode ahli kalam atau Ilmu Kalam wujud dalam setiap peringkat sama ada


asas, pertengahan atau lanjutan. Kesimpulannya, Ilmu Kalam mempunyai ciri-ciri umum yang meliputi kesemua penamaan Ilmu Tauhid dengan pengaplikasian asas metode ahli kalam iaitu hujah-hujah akliah yang meyakinkan dan memiliki ciri-ciri khusus dari sudut perincian perbahasan dan penghujahannya.

Dalam wacana Ilmu Kalam, Ilmu Kajian Agama-agama atau Ilmu Perbandingan Agama adalah satu daripada dua skop wacana Ilmu Kalam: [1] *al-Firaq al-Islāmiyyah* iaitu wacana berkaitan kepercayaan antara penganut agama (*intrareligion* atau intra-Islam); dan [2] *Muqāranah al-Adyān* iaitu wacana berkaitan kepercayaan antara agama-agama (*interreligions*). Dalam disiplin pengajian Ilmu Kalam atau Ilmu Usuluddin, kursus *al-Firaq al-Islāmiyyah* mewacanakan fahaman ahli bidaah seperti al-Rāfiḍah (Syiah), al-Khawārij, al-Murji'ah, al-Qadariyyah, al-Jabariyyah dan al-Mu'tazilah. Manakala kursus *Muqāranah al-Adyān* mewacanakan kepercayaan-kepercayaan di luar Islam iaitu agama-agama seperti Yahudi, Kristian, Majusi dan lain-lain. Tradisi wacana Ilmu Kalam terhadap dua kategori ini boleh dilihat contoh daripada khazanah yang ditinggalkan oleh imam Ahli Sunah Waljamaah iaitu Abū al-Ḥassan al-Ash'arī (m.324H/935M). Karya Al-Ash'arī, *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhilāf al-Muṣalliyyīn* (1999) secara khusus mewacanakan kepercayaan antara penganut agama (*intrareligion* atau intra-Islam). Kitab *Maqālāt ghayr al-Islāmiyyīn* iaitu karya yang dinyatakan kewujudannya oleh Ibn Taymiyyah (2006: 191) mewacanakan kepercayaan antara agama-agama (*interreligions*). Manakala *Jumal al-Maqālāt* iaitu karya yang disenaraikan oleh Ibn 'Asākir (2014: 107) adalah wacana terhadap kedua-dua kategori kepercayaan. Kitab lain ialah karya al-Shahrastānī, *al-Milal wa al-Niḥāl* (t.th.) yang mewacanakan kedua-dua kategori kepercayaan. Al-Shahrastānī membahagikan *Arbāb al-Diyānāt wa al-Milal* (kelompok agama-agama) sebagai wacana kepercayaan antara penganut agama (*intrareligion* atau intra-Islam) dan *Ahl al-Ahwā' wa al-Niḥāl* (kelompok ideologi-ideologi) sebagai wacana kepercayaan antara agama-agama (*interreligions*). Penulis turut mendapatkan karya-karya khusus yang mewacanakan sama ada kepercayaan antara penganut agama seperti karya dengan judul *al-Radd 'alā al-Rāfiḍāh* (al-Rissī 2000) atau kepercayaan antara agama-agama seperti karya dengan judul *al-Radd 'alā al-Naṣārā* (Lihat senarai



dalam W.Haslan 2018: 108-143). Justeru karya-karya ilmuwan Islam dalam domain Ilmu Kalam

dan Ilmu Kajian Agama-agama berada di dalam empat kategori seperti Rajah 1.



RAJAH 1. Wacana dan Karya Ilmu Kalam dalam Tradisi Islam

Mutakhir, wujud persepsi umum yang beranggapan Ilmu Kajian Agama-agama atau Ilmu Perbandingan Agama tidak mempunyai kaitan dengan Ilmu Kalam. Persepsi ini dibuktikan dengan sikap minat mempelajari ilmu ini tanpa sebarang minat mempelajari Ilmu Kalam. Sikap dan persepsi ini tidak berasas bahkan dianggap tidak mengikut disiplin dan tradisi kerana Mutakalimin (i.i. ahli Ilmu Kalam) mewacanakan kedua-dua kategori iaitu kepercayaan antara penganut agama (*intrareligion* atau *intra-Islam*) dan kepercayaan antara penganut agama-agama (*interreligions*) sebagai skop dan disiplin Ilmu Kalam. Pakar dalam Ilmu Kajian Agama-agama atau Ilmu Perbandingan Agama adalah pakar dalam Ilmu Kalam seperti Abū al-Ḥassan al-Ash‘arī (m.324H/935M), Abū Manṣūr al-Baghdādī (m.429H/1037M), Ibn Ḥazm al-Andalūsī (m.456H/1064M), Muḥammad ‘Abd al-Karīm al-Shahrastānī (m.548H/1153M) dan lain-lain. Isunya, apakah prasyarat (*prerequisite*) dalam menekuni Ilmu Kajian Agama-agama atau Ilmu Perbandingan Agama? Apakah asas-asas penilaian atau pengukuran di dalam perbandingan yang dibuat antara agama-agama sekiranya tiada penguasaan Ilmu Kalam yang mengupayakan seseorang dengan hujah-hujah yang meyakinkan serta dalil-dalil yang mampu menangkis sebarang keraguan yang ditimbulkan? Lebih membimbangkan, perbandingan antara agama tanpa penguasaan Ilmu Kalam bakal menyebabkan kecelaruan dan kepincangan di dalam isu-isu yang diwacanakan kerana individu berkaitan tidak memiliki piawai dalam membuat perbandingan.

#### PRASYARAT DALAM MENEKUNI ILMU KAJIAN AGAMA-AGAMA

Rasulullah SAW bersabda sebagaimana riwayat al-Tarmīzī (1978, 5: 28, hadis 2645): “*Kalimah hikmah adalah barang keciciran (i.i. suatu yang hilang) seorang mukmin di mana sahaja dia mendapatkannya maka dia lebih berhak ke atasnya*” (Hadis ini *gharīb* menurut al-Tarmīzī). Hadis ini dan ayat *al-Baqarah* 2: 269 adalah sebahagian daripada sarana al-Quran dan Sunah dalam memanfaatkan *al-hikmah* yang seharusnya menyemarakkan semangat rasionalisme dan intelektualisme dalam kalangan masyarakat Islam. Al-Mubārakfūrī (t.th., 7: 458) mengulas hadis dan ayat al-Quran di atas dengan menyatakan bahawa hikmah adalah sesuatu yang dikukuhkan strukturnya dengan naqli dan akli, menunjukkan makna yang mendalam (*daqīq*) dan terpelihara daripada kecelaruan, kesalahan serta kerosakan.

Seorang Muslim seharusnya mengetahui kedudukan setiap ilmu sama ada dikategorikan sebagai fardu ain (i.i. wajib bagi orang perseorangan) atau fardu kifayah (i.i. wajib bersama bagi orang Islam yang apabila dilaksanakan oleh seseorang antara mereka maka yang lain bebas daripada tanggungjawab itu) (Al-Nawawī t.th., 1: 49). Perkara ini penting dalam menentukan keutamaan dalam setiap ilmu yang perlu dicari dan dipelajari (Qutrennada & Ahmad Yunus 2017: 138). Berdasarkan kepada disiplin, ilmu yang perlu diutamakan ialah pengetahuan berkaitan kepercayaan (*al-i‘tiqadiyyāt*) iaitu Ilmu Tauhid atau Ilmu Kalam. Kemudian pengetahuan berkaitan pengamalan (*al-‘amaliyyāt*) iaitu Ilmu Fiqah (Al-Taftāzānī 1998, 1: 164). Atau berdasarkan kepada

panduan ‘Hadis Jibril AS’ atau ‘Hadis Islam, Iman dan Ihsan’, setiap Muslim perlu mengutamakan Ilmu Akidah, Fiqah dan Tasawuf. Ini kerana Iman atau perincian kepada Rukun Iman hanya akan diperolehi melalui pengajian Ilmu Akidah. Manakala Islam atau perincian kepada Rukun Islam hanya akan diperolehi melalui pengajian Ilmu Fiqah. Begitu juga Ihsan atau perincian kepada proses kesempurnaan sifat Ihsan hanya akan diperolehi melalui pengajian Ilmu Tasawuf (Rohimuddin Nawawi 2009: 8-19). Apa yang perlu dihayati ialah kesimpulan Rasulullah SAW di akhir hadis ini: “*itulah Malaikat Jibril AS yang datang kepadamu untuk mengajarkan ‘Agama’ kamu.*”. Mafhumnya, kerangka agama Islam itu ialah perkara-perkara berkaitan Islam, Iman dan Ihsan. Justeru, setiap Muslim perlu mendapatkan perinciannya melalui ilmu-ilmu berkaitan. Kerana itu, Ilmu Akidah, Fiqah dan Tasawuf dikategorikan oleh para ilmuwan Islam sebagai ilmu fardu ain. Daripada ketiga-tiga ilmu ini maka yang paling utama ialah Ilmu Akidah sesuai dengan permulaan Islam seseorang dengan ikrar *al-shahādatayn* atau dua kalimah syahadah iaitu perakuan tiada Tuhan melainkan Allah SWT dan Muhammad SAW adalah pesuruh-Nya.

Berasaskan daripada asas ‘*al-shahādatayn*’, maka para ilmuwan Islam seperti Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī (m. 895H) merumuskan kandungan dua kalimah syahadah iaitu: pertama, perakuan tiada Tuhan melainkan Allah SWT menghendaki yang mengaku untuk mengetahui perkara-perkara yang wajib, mustahil dan harus bagi-Nya. Kedua, perakuan Muhammad SAW pesuruh Allah menghendaki yang mengaku untuk mengetahui perkara-perkara wajib, mustahil dan harus bagi para rasul termasuk perkara-perkara keimanan lain seperti keimanan terhadap sekalian para rasul, para malaikat, kitab-kitab dan hari kiamat atau apa yang disebutkan sebagai perkara *al-Ilahiyyāt* (Ketuhanan), *al-Nubuwwāt* (Kenabian) dan *al-Sam‘iyyāt* (Perkara Ghaib) (Al-Sanūsī 2013: 98). Kerana itu, al-Sanūsī di dalam *al-Ṣughhrā* atau *Umm al-Barāhīn* memperincikan pemahaman yang diperlukan daripada perakuan *al-shahādatayn* ialah 50 perkara iaitu 20 perkara wajib, 20 perkara mustahil dan 1 perkara harus bagi Allah SWT. Tambahan 4 perkara wajib, 4 perkara mustahil dan 1 perkara harus bagi rasul. Kesemua 50 perkara ini bertujuan agar setiap yang memperakui *al-shahādatayn* mengerti kandungan ikrar yang dilafazkan (Al-Sanūsī 2013: 98).

Mengenali Allah SWT adalah asas utama di dalam akidah Islam. Ianya adalah keimanan dengan kewujudan dan keesaan Allah SWT (Al-Būṭī 1399H:

65; Fawdah 2004: 7). Firman Allah SWT di dalam surah Muḥammad 49: 19: “*fa ‘lam annahu lā ilāha illa Allāh*” (“Oleh itu, maka tetapkanlah pengetahuanmu dan keyakinanmu (wahai Muhammad) bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah”). Tauhid menjadi identiti Islam yang membezakan agama Islam dari sudut konsep ketuhanan berbanding agama-agama yang lain. Namun, konsep tauhid tidak cukup diertikan dengan monoteisme (i.i. kepercayaan bahawa Tuhan itu hanya satu) sebaliknya perlu ditegaskan sebagai monoteisme mutlak (*absolute monotheism*). Ini kerana monoteisme mempunyai beberapa bahagian dan pengertian iaitu: pertama, *monotheism in paractice* iaitu mempercayai pelbagai tuhan atau dewa tetapi hanya menyembah yang satu. Kedua, *monotheism in theory* iaitu mempercayai satu tuhan secara teori tetapi secara praktis menyembah tuhan yang pelbagai. Ketiga, *speculative monotheism* iaitu pemikiran yang menggabungkan semua tuhan yang dipercayai menjadi satu. Keempat, *absolute monotheism* iaitu kepercayaan, penyerahan dan praktis mutlak kepada Tuhan yang satu (Hussain Othman 2009: 55-57). Dalam metode pengajian akidah al-Ashā’irah dan al-Māturīdiyyah, keesaan Allah Jallā wa ‘Alā atau konsep monoteisme mutlak (*absolute monotheism*) dijelaskan daripada sudut zat, sifat dan perbuatan-Nya (*af’āl*) sehingga dapat dibezakan dengan konsep-konsep monoteisme yang lain (Al-Ghazālī 1983: 49; Ibn Fūrak 1987: 55; al-Shahrastānī 2009: 85).

Prasyarat menekuni Ilmu Kajian Agama-agama atau Ilmu Perbandingan Agama ialah penguasaan dalil-dalil yang meyakinkan dalam membuktikan kewujudan, keesaan dan keagungan Allah SWT yang bersifat dengan segala kesempurnaan serta suci daripada segala kekurangan (Solihu 2017; Bawadi 2018). Justeru, metode pengajian akidah al-Ashā’irah dan al-Māturīdiyyah mengutamakan penjelasan hukum akal, peranan *al-Maqūlāt al-Ashr* (i.i. jirim, jisim dan ‘araḍ) yang membezakan Khalik-makhluk, 20 sifat wajib, 20 sifat mustahil dan 1 sifat yang harus bagi Allah SWT (Al-Sanūsī 2013).

Metode pengajian akidah al-Ashā’irah dan al-Māturīdiyyah adalah berasaskan akal dan wahyu atau dalil-dalil akliah dan naqliah. Dalil-dalil akliah didahulukan kerana ianya meyakinkan kepada semua manusia tanpa mengira agama dan bangsa. Ada pun dalil-dalil naqliah beragam menurut pengiktirafan bagi setiap kepercayaan dan agama. Dalil-dalil akliah adalah berdasarkan kepada tiga

hukum akal atau batasan taakulan akal iaitu wajib, mustahil dan harus (Al-Sanūsī 2013: 52-55). Allah SWT berdasarkan sifat 20 yang pertama iaitu Wujud adalah *Wājib al-Wujūd* berdasarkan taakulan akal yang dijelaskan dengan huraian kaedah *buṭlān al-rajhān bidūn murajjih*, *buṭlān al-tasalsul*, *buṭlān al-dawr* (Al-Ṭūr 52: 35-36; *al-Wāqī'ah* 56: 57-59) dan *al-'illah al-ghā'iyah* (Yāsīn 36: 38-40). 20 sifat bagi Allah SWT dikategorikan oleh ilmuwan al-Ash'irah dan al-Māturīdiyyah kepada empat bahagian iaitu: [1] Sifat *Nafsiyyah*; [2] sifat *Salbiyyah*; [3] sifat *Ma'ānī*; dan [4] sifat *Ma'nawīyyah* adalah berdasarkan kepada kaedah "*fa'lam annahu lā ilāha illa Allāh*" (Muḥammad 49: 19) iaitu menafikan kekurangan (*nafy al-naqā'is*) dan mensabitkan kesempurnaan (*ithbāt al-kamālāt*). Selepas sifat *Wujūd*, didahulukan pemahaman terhadap sifat *Salbiyyah* atau *nafy al-naqā'is* iaitu menafikan kekurangan terhadap Allah Jalla wa 'Alā dengan menjelaskan ketiadaan perkara yang tidak layak pada zat-Nya. Sifat-sifat *salbiyyah* lima iaitu *Qidam*, *Baqā'*, *Mukhālafatuhu li al-ḥawādith*, *Qiyāmuhu Ta'ālā bi nafsih* dan *Waḥdāniyyah*. Lima sifat ini hakikatnya terkandung di dalam surah *al-Ikhlāṣ* 112 iaitu ayat pertama isyarat kepada sifat *Wujūd* dan *Waḥdāniyyah*, kedua isyarat kepada sifat *Qiyāmuhu Ta'ālā bi nafsih*, ketiga isyarat kepada sifat *Qidam* dan *Baqā'* dan keempat isyarat kepada sifat *Mukhālafatuhu li al-ḥawādith*. Seterusnya, sifat *Ma'ānī* dan *Ma'nawīyyah* adalah *ithbāt al-kamālāt* iaitu mensabitkan kesempurnaan bagi Allah SWT (Al-Sanūsī 2013).

*Al-Maqūlāt al-Ashr*, *ten categories* atau kata-kata universal tertinggi (*al-alfāz al-kulliyah*; *holistic words*) adalah konsep yang bertujuan menjelaskan konsep Khalik-makhluk. Makhluk hakikatnya adalah *jawhar* yang bersifat dengan '*araḍ* (*accident*) (i.i. sifat-sifat kewujudan) yang sembilan dan inilah yang disebut sebagai *al-Maqūlāt al-'Ashr* iaitu: [1] *Jawhar* (*substance*) iaitu kewujudan sesuatu, contoh: "seorang lelaki"; [2] *al-Kam* (*quantity*) iaitu kuantiti, contoh: "tiga meter"; [3] *al-Kayf* (*quality*) iaitu kualiti, contoh: "putih"; [4] *al-Idāfah* (*relation*) iaitu relasi, contoh: "setengah"; [5] *al-'Ayn* (*place/where*) iaitu tempat, contoh: "pasar"; [6] *matā* (*time/when*) iaitu masa, contoh: "semalam"; [7] *al-Waḍ'* (*posture*) iaitu postur, posisi, sikap tubuh seseorang, contoh: "seorang yang berdiri"; [8] *al-Milk* (*having/state*) iaitu ada, mempunyai, contoh: "pemilik pedang"; [9] *al-Fi'l* (*activity/action*) iaitu aktiviti, kegiatan, contoh: "memotong"; [10] *al-Infi'āl* (*passivity/being affected*) iaitu kepasifan, menerima pengaruh, contoh: "yang dipotong" (Fawdah 2013;

Al-Shanqīṭī 2014). Semua perkara di atas antara perkara asas dalam mengenali Khalik-makhluk, mengenali keesaan Allah SWT.

Ringkasnya, seorang yang mahu serius menekuni Ilmu Kajian Agama-agama atau Ilmu perbandingan Agama apa lagi terlibat langsung dengan diskusi, dialog atau debat antara agama perlu menguasai kandungan *al-shahādātayn* iaitu perkara-perkara berkaitan *al-Ilahiyyāt*, *al-Nubuwwāt* dan *al-Sam'īyyāt*. Perkara yang perlu diberi perhatian serius terutamanya individu yang mahu mendiskusikan perkara *al-Ilahiyyāt* (i.i. ketuhanan) perlu menguasai dengan sebaiknya asas-asas yang membezakan antara Khalik-makhluk, konsep-konsep ketuhanan di dalam agama-agama lain dan konsep monoteisme mutlak (*absolute monotheism*) di dalam Islam yang menjelaskan keesaan Allah SWT daripada sudut zat, sifat dan perbuatan-Nya (*af'āl*). Selain itu, penguasaan dalil-dalil akal (i.i. akliyah) dan wahyu (i.i. naqliyah) serta adunan keduanya diperlukan agar penghujahan yang dikemukakan tidak bertentangan dengan asas, prinsip dan dasar kepercayaan atau akidah Islam.

## KESIMPULAN

Islam adalah pelopor kepada Ilmu Kajian Agama-agama atau Ilmu Perbandingan Agama. Perkara ini dijelaskan berdasarkan fakta-fakta dari sumber utama Islam itu sendiri iaitu al-Quran dan Sunah. Selain itu, aktiviti Rasulullah SAW dan para ilmuwan Islam dalam dialog, diskusi dan debat antara penganut agama-agama semenjak penurunan al-Quran membentuk peringkat pengasasan, pengkaedahan dan penyempurnaan bagi Ilmu Kajian Agama-agama di dalam Islam. Di dalam tradisi Islam, Ilmu Kajian Agama-agama adalah subwacana kepada Ilmu Kalam yang dua iaitu pertama, wacana berkaitan kepercayaan antara penganut agama (*intrareligion* atau intra-Islam) yang disebut di dalam pengajian Usuluddin sebagai *al-Firaq al-Islāmiyyah*; dan kedua, wacana berkaitan kepercayaan antara agama-agama (*interreligions*) disebut di dalam pengajian Usuluddin sebagai *Muqāranah al-Adyān*.

Dialog, diskusi atau debat dalam isu-isu perbandingan agama tidak boleh dipandang mudah dan boleh dilaksanakan oleh sesiapa sahaja kerana ianya berisiko menjerumuskan seseorang kepada kecelaruan, keraguan, kesesatan dan kekufuran. Dakwaan nama 'Brahma' dan 'Vishnu' boleh dirujuk Allah Jallā wa 'Alā (Maha Agung dan Maha Tinggi) adalah contoh utamanya. Sebaliknya dialog, diskusi



atau debat dalam isu-isu perbandingan agama adalah tanggungjawab individu yang mempunyai tahap pengetahuan serta penguasaan dalil-dalil secara *tafṣīl* (huraian atau satu persatu) yang meyakinkan khususnya dalam membicarakan isu-isu ketuhanan. Justeru, individu yang mahu berkecimpung di dalam dialog, diskusi dan debat perbandingan agama perlu mempelajari Ilmu Kalam yang disifatkan sebagai disiplin yang memberi keupayaan daya taakul dengan hujah-hujah yang meyakinkan terhadap isu-isu di dalam permasalahan akidah. Ilmu Kalam adalah mekanisme dalam pemeliharaan kesucian agama Islam daripada sebarang kecelaruan, penyelewengan dan kesesatan. Prasyarat menekuni Ilmu Kajian Agama-agama ialah penguasaan dalil-dalil yang meyakinkan dalam membuktikan kewujudan, keesaan dan keagungan Allah SWT. Selain mampu menolak sebarang kesamaran dan keraguan. Hukum akal, *al-Maqūlāt al-Ashr*, asas-asas yang membezakan Khalik-makhluk, perkara wajib, mustahil dan harus bagi Allah SWT adalah isu-isu asas yang perlu dikuasai agar tidak tergelincir daripada pegangan yang hak.

#### PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada GGPM-2019-058 kerana menaungi dan membiayai penyelidikan ini.

#### RUJUKAN

- Ahidul Asrar. 2020. Dialectical relationship between religious texts and social reality in the philosophy of da'wa. *Akademika* 90 (1) April: 39-48.
- Ahmad Faizuddin Ramli & Jaffary Awang. 2014. Amalan dialog antara agama dalam kalangan ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor dan Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI). *Jurnal Hadhari* 6 (2): 35-53.
- ‘Āmūh, Muḥammad Aḥmad Muḥammad. t.th. *Al-Jawāb al-Tām ‘an Ḥukm Ta’allum ‘Ilm al-Kalām*. Al-Ḥudaydah: Al-Hay’ah al-‘Ilmiyyah bi Ribāṭ Abī Bakr al-Ṣiddīq li al-‘Ulūm al-Shar‘iyyah.
- Anis Malik Thoha. 2011. Doktrin pluralisme agama: telaah konsep dan implikasinya bagi agama-agama. *Dialogia: Jurnal Studi Islam dan Sosial* 9 (1): 1-14.
- Al-Ash‘arī, Abū al-Ḥassan ‘Alī bin Ismā‘īl. 1999M/1419H. *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhlāf al-Muṣalliyīn*. Muḥammad Maḥy al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd (pnyt.). Jil. 1-2. Beirut: Al-Maktabah al-‘Asriyyah.
- Al-Būṭī, Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān. 1399H. *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah: Wujūd al-Khāliq wa Wazīfah al-Makhlūq*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Bawadi, Abdullah Ahmed Mubarak. 2018. Objectivity in religious study: problem of Concept and terminology. *Afkar* 20 (1): 229-284.
- Fārūq Ḥammādah. 2004. *Al-‘Ilāqāt al-Islāmiyyah al-Naṣrāniyyah fī al-‘Ahd al-Nabawī*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Fawdah, Sa‘īd ‘Abd al-Latīf. 2004M/1425H. *Buhūth fī ‘Ilm al-Kalām*. Amman: Dār al-Rāzī.
- Fawdah, Sa‘īd ‘Abd al-Latīf. 2013M/1434H. *Kifāyat al-Sā‘ī fī Fahm Maqūlāt al-Sujā‘ī*. Amman: Dār al-Nūr al-Mubīn li al-Dirāsāt wa al-Nashr.
- Fazilah Idris, Khadijah Muda dan Khairul Anwar Mastor. 2019. Pembentukan model toleransi beragama belia pelbagai etnik di Malaysia. *Akademika* 89 (2) Julai: 33-42.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad. 1983M/1403H. *Al-Iqtisād fī al-‘Itiqād*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Hussain Othman. 2009. *Wacana Asasi Agama dan Sains*. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).
- Ibn ‘Asākir, Abū al-Qāsim ‘Alī bin al-Ḥassan bin Hibbah Allāh al-Dimashqī. 2014M/1435H. *Tabyīn Kazb al-Muftarī fīmā Nusiba ilā al-Imām Abī al-Ḥassan al-Ash‘arī*. Muḥammad Zāhid al-Kawtharī (pnyt.). Kaherah: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth.
- Ibn Fūrak, Abū Bakr Muḥammad bin al-Ḥassan. 1987. *Mujarrad Maqālāt al-Shaykh Abī al-Ḥassan al-Ash‘arī*. Dāniyāl Jīmārih (pnyt.). Beirut: Dār al-Mashriq.
- Ibn Kathīr, Al-Ḥāfiz ‘Imād al-Dīn Abī al-Fidā’ Ismā‘īl bin ‘Umar al-Qurashī al-Dimashqī. 2000M/1420H. *Tafsīr al-Qur‘ān al-‘Azīm*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Ibn Khaldūn, Waliyy al-Dīn ‘Abd al-Raḥman bin Muḥammad. 2004M/1425H. *Muqaddimah Ibn Khaldūn*. ‘Abd Allah Muḥammad al-Darwīsh (pnyt.). Damsyik: Dār Ya‘rab.
- Ibn Taymiyyah, Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm bin ‘Abd al-Salām. 2006. *Dar’ al-Ta‘arūḍ al-‘Aql wa al-Naql aw Muqāfaḥah Ṣaḥīḥ al-Manqūl li Ṣarīḥ al-Ma‘qūl*. Al-Sayyid Muḥammad al-Sayyid & Sayyid Ibrāhīm Ṣādiq (pnyt.). Jil. 1-6. Kaherah: Dar al-Ḥadīth.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah, Muḥammad bin Abū Bakr bin Ayyūb bin Sa‘d ibn Jarīz al-Zura‘ī al-Dimashqī al-Ḥanbalī. 1407H. *Hadāyah al-Ḥayārā fī Ajwibah al-Yahūd wa al-Naṣārā*. Aḥmad Hījāzī al-Siqā (pnyt.). Kaherah: Al-Maktabah al-Qayyimah.
- Al-Jurjānī, al-Sayyid al-Sharīf ‘Alī bin Muḥammad. 1998M/1419H. *Sharḥ al-Mawāqif wa ma‘ahu Ḥāshiyatā al-Sayālakūtī wa al-Jalabī ‘alā Sharal-Mawāqif*. Jil. 1. Beirut: al-Kutub al-‘Ilmiyyah.



- Kamar Oniah Kamaruzaman. 2003. *Early Muslim Scholarship in Religionswissenschaft: the Work and Contributions of Abu Rayhan Muhammad Ibn Ahmad al-Biruni*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Nur Farhana Abdul Rahman, Azarudin Awang, Alwani Ghazali & Abdul Nasser Sultan Mohsem Sallam. 2019. Inter-religious dialogue activity: an experience among undergraduate students in selected universities in Malaysia. *Akademika* 89 (1) April: 71-82.
- Lindah Bū'āfiyyah. 2015M/1436H. Al-Jadl al-Dīnī bi al-Andalus wa Dawrah fi Ta'sīs 'Ilm Muqāranah al-Adyān. Dlm. Jamāl 'Ilāl al-Bakhtī (pnyt.). *Al-Ibānah*, hlm. 225-258. Bil. 2-3 (Sha'bān 1436H-Yūniyū 2015). Rabat: Markaz Abī al-Ḥassan al-Ash'arī.
- Al-Mubārakfūrī, Abū al-'Alī Muḥammad bin 'Abd al-Raḥman bin 'Abd al-Raḥīm. t.th. *Tuḥfah al-Aḥwazī bi Sharḥ Jāmi' al-Tarmīzī*. 'Abd al-Raḥman Muḥammad 'Uthmān (pnyt.). Jil. 7. Kaḥerah: Dār al-Fikr.
- Al-Mahdalī, al-Sayyid Muḥammad 'Aqīl bin 'Alī. t.th. *Qawā'id al-'Aqā'id fī al-Tawḥīd li al-Imām Ḥujjah al-Islām al-Ghazālī*. Kaḥerah: Dār al-Ḥadīth.
- Muhammad Yusuf Khalid, Panji Hidayat Mazhisham, Nur Husna Mohamad Hussain, Ahmad Najaa' Mokhtar, Khairunneezam Mohd Noor & Muhamad Zaki Mustafa. 2015. The role of Islamic propagation society international (IPSI) and its implementation of interfaith dialogue in mosque Penang, Malaysia. *Al-'Abqari Journal* 6: 101-126.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Maḥy al-Dīn bin Sharaf. t.th. *Kitāb al-Majmū' Sharḥ al-Muḥadhdhab li al-Shīrāzī*. Muḥammad Najīb al-Muī'ī (pnyt.). Jil. 1. Jeddah: Maktabah al-Irshād.
- Nizār Ḥammādī. t.th. *Marātib 'Ilm al-Tawḥīd*. Tunisia: Markaz al-Imām Ibn 'Arafah li al-'Ulūm al-Insāniyyah.
- Qutrennada Rosli & Ahmad Yunus Mohd Noor. 2017. Pengajaran dan pembelajaran hadīth di Darul 'Ulūm Iḥyā' 'Ulūmuddīn Alor Setar Kedah: keberkesanan, metodologi dan persepsi pelajar. *Akademika* 87(3): 137-149
- Al-Qurṭubī, Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr bin Farḥ al-Anṣārī al-Khazrajī al-Mālikī al-Andalusī. 2002M/1423H. *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*. Kaḥerah: Dār al-Ḥadīs.
- Rehan Ahmad. 2016. *Ilmu Perbandingan agama*. (atas talian) <http://www.intellectualwisdom.com/ilmu-perbandingan-agama/> (17 Oktober 2017).
- Al-Rissī, al-Qāsim bin Ibrāhīm. 2000M/1420H. *Al-Radd 'alā al-Rāfiḍah*. Imām Ḥanafī 'Abd Allāh (pnyt.). Kaḥerah: Dār al-Āfāq al-'Arabīyyah.
- Rohimuddin Nawawī, Abu Mohamad. 2009. *Memahami Tasawwuf Yang Shahih*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Al-Sanūsī, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Yūsuf. 2013M/1434H. *Rasā'il al-Imām Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī fī 'Ilm al-'Aqīdah 'alā Manhaj al-Asha'irah*. 'Abd al-Karīm Qabūl (pnyt.). Maghribi: Dār al-Rashād al-Ḥadīthah.
- Al-Shahrastānī, Muḥammad bin 'Abd al-Karīm. 2009M/1430H. *Nihāyah al-Aqdām fī 'Ilm al-Kalām*. Alfarayd Jiyyūm (Alfred Guillaume) (pnyt.). Kaḥerah: Maktabah al-Thaqāfah al-Dīniyyah.
- Shalabi, Ahmad. 1997. *Muqāranah al-Adyan: al-Yahūdiyyah*. Kaḥerah: Maktabah al-Nahdhah al-Misriyyah.
- Al-Shanqīṭī, Muḥammad Maḥfūz bin al-Shikh bin Faḥf. 2014M/1435H. *Sharḥ al-Maqūlat al-'Ashr*. Giza: Dār al-Ṣaliḥ.
- Al-Sharqāwī, Ḥamīd 'Abd Allāh. 2008. *Muqāranah al-Adyān bayn al-Tanzīr wa al-Taṭbīq 'Ind al-Qādī 'Abd al-Jabbār al-Mu'tazilī: Dirāsah Tahlīliyyah Muqāranah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Soliḥu, Abdul Kabir Hussain. 2017. Raḥmat Allāh al-Hindi al-Kayrānawī and his book Demonstration of the Truth: Islamic criticism of the Old and New Testaments: Islamic criticism of the Old and New Testaments. *Al-Hikmah* 9(2): 186-204.
- Al-Taftāzānī, Sa'd al-Dīn Ma'ūd bin 'Umar bin 'Abd Allāh. 1998M/1419H. *Sharḥ al-Maqāsid*. 'Abd al-Raḥman 'Umayrah (pnyt.). Jil 1-5. Beirut. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Tarmīzī, Abū 'Isā Muḥammad bin 'Isā bin Sūrah. 1978M/1398H. *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*. Aḥmad Muḥammad Shākīr (pnyt.). Jil. 1-5. Kaḥerah: Shirkah Maktabah wa Maṭba'ah Muṣtafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādahu bi Miṣr.
- Wan Haslan Khairuddin & Indriaty Ismail. 2016. Tema wacana al-Quran terhadap agama-agama. *Jurnal Penyelidikan Islam* 8: 129-148.
- Wan Haslan Khairuddin & Indriaty Ismail. 2017a. Metodologi *al-radd 'alā al-Naṣārā* para sarjana Muslim. *Al-'Abqarī* 10 (Mei): 93-106.
- Wan Haslan Khairuddin & Indriaty Ismail. 2017b. Metode Raḥmatullāh al-Kairānawī dalam dialog Islam-Kristian. *Jurnal Pengajian Islam* 10 (2): 54-67.
- Wan Haslan Khairuddin. 2018. Tema dan metode kritikan Raḥmatullāh al-Kayrānawī terhadap Bible berdasarkan kitab Izhār al-Ḥaq. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakir Naik. t.th. *Concept of God in Hinduism*. (atas talian) [http://www.irfi.org/articles2/articles\\_3301\\_3350/concept%20of%20god%20in%20hinduismhtml.htm](http://www.irfi.org/articles2/articles_3301_3350/concept%20of%20god%20in%20hinduismhtml.htm) (17 Oktober 2017).
- Zakir Naik. 2013. *Concept of God in Hinduism*. (atas talian) <https://www.youtube.com/watch?v=IT0Y2pw39fg> (17 Oktober 2017).

Wan Haslan Khairuddin (corresponding author)  
Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Email: wanhaslan@ukm.edu.my

Indriaty Ismail  
Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Email: indriaty@ukm.edu.my

Abdull Rahman Mahmood  
Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Email: abrm@ukm.edu.my

Received: 10 May 2019

Accepted: 14 June 2020